

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT [SANDAKAN]

TARIKH : 14 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Wong Tien Fatt minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah tarif elektrik SESB akan menurun dan disemak semula ekoran harga minyak antarabangsa jatuh. Ini kerana tarif SESB telah naik apabila harga minyak antarabangsa naik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Saya ingin menjelaskan bahawa penentuan tarif elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dibuat berdasarkan kos-kos yang terlibat dalam pembekalan elektrik termasuk kos bahan api gas berpaip, diesel dan *Medium Fuel Oil* (MFO), dengan izin. Walau bagaimanapun, kadar tarif yang dikenakan kepada pengguna di Sabah adalah jauh lebih rendah berbanding kos sebenar pembekalan elektrik. Situasi ini menyebabkan SESB mengalami kerugian daripada tahun 2004 hingga 2012 yang dianggarkan dalam lingkungan RM50 juta hingga RM272 juta. Atas dasar tersebut, Kerajaan telah bersetuju supaya purata kadar tarif elektrik dinaikkan daripada 29.52 sen/kWj kepada 34.52 sen/kWj pada 1 Januari 2014 bagi memastikan kemampanan SESB. Sungguhpun demikian, ia masih tidak mencukupi untuk menampung kos pembekalan elektrik di Sabah.

2. Bagaimanapun, selaras dengan penurunan harga minyak mentah dunia, Kerajaan telah memutuskan untuk menurunkan kadar tarif elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk tempoh 1 tahun 4

bulan mulai 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2016. Purata kadar tarif elektrik telah diturunkan sebanyak 1.20 sen/kWj daripada 34.52 sen/kWj kepada 33.32 sen/kWj. Keputusan ini melibatkan semua pengguna domestik yang menggunakan elektrik melebihi 300kWj sebulan dan semua pengguna komersial dan industri.

3. Kerajaan Persekutuan juga telah memutuskan supaya kos bahan api diesel dan MFO, yang merupakan sebahagian daripada kos pembekalan elektrik, ditampung menerusi subsidi bahan api yang dianggarkan sebanyak RM685 juta bagi tahun 2015. Kerajaan juga telah bersetuju supaya gas berpaip yang merupakan bahan api utama dalam penjanaan elektrik di Sabah ditetapkan pada harga subsidi RM6.40/MMBtu, di mana ia adalah jauh lebih rendah berbanding harga pasaran iaitu dalam lingkungan RM21.20/MMBtu. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha meminimumkan kos-kos penjanaan elektrik di Sabah bagi memastikan kadar tarif elektrik yang ditetapkan tidak membebankan rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 14 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN : 25

Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Lapangan Baru Mukah akan disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan lapangan terbang baru Mukah dilaksanakan melalui 2 pakej. Pakej 1 merangkumi kerja-kerja awalan tanah yang melibatkan penyediaan tapak lapangan terbang. Manakala Pakej 2 pula merangkumi kerja-kerja pembinaan terminal dan infrastruktur landasan kapal terbang.

Kerja-kerja di bawah Pakej 1 telah pun bermula pada April 2014 dan dijangka siap pada April 2016. Manakala kerja-kerja di bawah Pakej 2 pula dijangka bermula pada penghujung 2016 dan dijangka siap pada awal 2019.